

MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN
DIPLOMATIK (PPTD)
HOTEL HILTON KUALA LUMPUR

20 DISEMBER 1982

ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

Yang Berbahagia Tan Sri Hashim Aman, Ketua Setiausaha Negara;
Yang Berbahagia Datuk Dr. Abdullah Sanusi, Presiden Persatuan PTD;
Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Sekali lagi saya diberi penghormatan menghadiri majlis makan malam tahunan PPTD. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Presiden, Ahli-Ahli Jawatankuasa serta sekalian ahli Persatuan di atas jemputan untuk saya dan isteri saya menghadiri majlis ini.

2. Sebagai penaung Persatuan, saya berbangga dapat berdamping rapat dengan pegawai-pegawai PTD. Tetapi, saya menjadi penaung Persatuan tentulah tidak dengan syarat supaya saya hanya memperkatakan yang baik-baik saja. Ini Doktor - untuk men"diagnose" segala macam penyakit, tetapi tujuannya baik. Dalam pengurusan pun ada juru-audit pengurusan, penganalisa pengurusan, dan lain-lain, yang mengkaji penyakit-penyakit organisasi; jadi, jika saya membuat teguran mengenai pengurusan dan organisasi kerajaan pun, semangatnya adalah sama juga, dan tidak dengan tujuan untuk menghina atau "ridicule" sesiapa.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Kita tidak kerap berasa terhutang budi kepada penjajah. Mereka menakluk kita kerana kepentingan mereka, dan mereka memperolehi banyak keuntungan dari penjajahan yang mereka

4. Di Malaysia, di antara warisan dari penjajahan yang menguntungkan kita ialah sistem pentadbiran, dan pengalaman pentadbiran. Memang benar di zaman British mereka tidak menyerahkan jawatan-jawatan yang penting kepada pegawai tempatan. Dan kerap kali pula pegawai British yang dilantik tidak mempunyai kelulusan dan pengalaman yang mencukupi, bahkan ramai juga yang terlibat dengan rasuah. Namun demikian, pegawai-pegawai tempatan dapat mempelajari sistem dan cara pentadbiran sehingga dengan mudahnya mereka dapat mengambil-alih jawatan-jawatan yang terpenting sejurus selepas kita merdeka. Tidak siapa boleh menafikan bahawa kebolehan pegawai-pegawai pentadbirlah yang memberi "continuity" dan tunjang kepada kemajuan negara.

5. Semenjak merdeka, perkhidmatan awam Malaysia telah menghadapi banyak cabaran. Kerajaan bukan lagi terhad kepada "maintenance of law and order" dan memungut hasil. Dalam jangkamasa 25 tahun sahaja, peranan Kerajaan sudah diperluaskan sehingga terlibat dengan semua gerak-geri ekonomi, sosial dan politik dalam sebuah negara yang merdeka. Pegawai yang dahulunya cuma tahu mengikut arahan "Tuan",

sekarang ini terpaksa mewakili negara dalam rundingan dengan negara-negara maju dan membangun di seluruh dunia. Dan umumnya, prestasi yang dicapai tidak memalukan, bahkan ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa perwakilan dari Malaysia disanjung tinggi.

6. Kita percaya, walau apa sekalipun terjadi kepada kepimpinan politik, Kerajaan boleh diurus oleh yang menjalankan tugas masing-masing sebagai anggota Kerajaan. berbangga kerana kerjasama dan bantuan yang diberi oleh pegawai-pegawai PTD, khususnya kepada saya. Tanpa nasihat dan panduan dari mereka, saya tidak yakin saya akan tahu selok-belok pentadbiran, yang mana tanpa pengetahuan ini, penguatkuasaan dasar-dasar Parti Kerajaan tidak mungkin menjadi kenyataan. Saya amat terhutang budi kepada pegawai-pegawai PTD yang menolong menjayakan perjalanan tugas saya. Saya rasa, jika prestasi saya sebagai Menteri tidak memuaskan, tentulah sukar bagi saya mengisi jawatan politik yang tertinggi di negara ini.

8. Sementara saya akui peranan PTD, kita tentu semua faham kordinasi antara anggota-anggotanya adalah perlu. Seperti mana badan, tidak boleh bergerak ke arah apa-apa matlamat jika gerakan tangan dan kaki tidak di"synchronise"kan, begitu juga Kerajaan tidak dapat berjalan dengan berkesan jika tidak ada "synchronisation" antara anggota-anggotanya. Dalam konteks Kerajaan, Jemaah Menteri adalah kepala, dan lain-lain bahagian dalam perkhidmatan awam adalah tangan dan kaki. Cuma jika tangan dan kaki mengikut arahan kepala dan bergerak secara "coordinated" baharulah sebuah tubuh-badan dapat bergerak dengan jayanya. dari lain-lain institusi negara kerana semua institusi yang menjadi "constituents" kepada negara saling bergantung antara satu sama lain. Walaupun ada institusi yang lebih utama dan penting, dianya dengan sendirinya tidak mungkin berkesan.

10. PTD adalah lebih utama. Oleh kerana itu kebolehan nya mestilah tinggi. Apa yang diwarisi dari British tidak mencukupi lagi. Pemerintahan yang begitu kompleks, yang diperlukan oleh negara moden, bermakna PTD mestilah Walaupun cuma sebahagian yang kecil, tetapi demikianlah berkesannya sikap ini, sehingga ia boleh menjejaskan pencapaian PTD keseluruhannya, dan juga prestasi negara.

11. Sikap yang saya maksudkan ialah "negativism." "Negativism" adalah satu sifat yang boleh muncul dalam berbagai bentuk. Ianya boleh muncul sebagai reaksi yang begitu pantas terhadap apa-apa cadangan atau rancangan yang baru. Mereka yang mempunyai sifat negatif ini sering berkata bahawa apa yang dicadangkan itu tidak mungkin dijayakan kerana berbagai sebab. Belum lagi cadangan dikaji, dan cara-cara melaksanakannya digubah, sudahpun diputuskan bahawa cadangan itu dan ini tidak mungkin.

12. Bahayanya sikap ini ialah keperluan membuktikan bahawa "negativism"nya itu adalah berasas. Oleh itu, bukan sahaja tidak akan ada usaha untuk menjayakan cadangan yang baru, bahkan mungkin ada usaha untuk menggagalkannya supaya bolehlah ianya berkata, "I told you so."

13. Sikap negatif ini mengekalkan amalan yang kolot, walaupun nyata amalan itu tidak baik, dan menghalang perubahan baru yang mungkin membawa kesan yang baik. Tidak ada perubahan baru yang 100 peratus tetap membawa kebaikan. Bagi orang yang negatif, ianya akan menonjol keburukan yang ada pada yang baru "to the exclusion of" apa juga kebaikan. Sebaliknya, keburukan amalan yang lama tidak disebutkan. Bahkan ada yang mempertahankan yang lama bermatian-matian. Dengan ini maka kemajuan tidak boleh dicapai.

14. Seperkara yang menyebabkan amalan lama disukai ialah dengan amalan lama tidak perlu dibuat penyesuaian. Tidak ada yang perlu dipelajari, dicuba dan dilatih untuk kelancaran kerja. Apa yang biasa dibuat akan diteruskan sahaja. Sebaliknya, dengan yang baru, satu proses mempelajari dan melatih perlu diadakan. Dalam proses ini, kelemahan mesti dikesan dan diatasi. Semua ini memerlukan pertukaran dalam amalan yang sudah dibiasakan dan untuk ini pula satu usaha mesti dibuat.

15. Kadang-kadang sikap negatif ini muncul dalam urusan harian yang melibatkan orang ramai. Jika sesuatu yang dipohon oleh sesiapa ditolak maka tidak ada kerja berkenaan dengannya yang perlu diusahakan. Sebaliknya berkata "Ya" kepada apa permohonan bermakna menerima beban kerja tambahan berkenaan dengan permohonan tersebut.

16. Pegawai yang baru mungkin lebih positif. Tetapi sikap positif ini tidak kekal. Setelah mengalami kebuntuan kerana lain-lain pegawai tidak begitu berminat, maka pegawai baru pun hilang minat positifnya.

17. Penerimaan teguran ini pun akan berbeza antara mereka yang positif dengan yang negatif. Sudah tentu sikap negatif cuma dipunyai oleh segelintir pegawai sahaja. Tetapi yang tidak negatif pun kadang-kadang tidak begitu sanggup menerima teguran seperti ini, kerana kata mereka, yang sebenarnya menjadi majoriti dari pegawai, tidaklah perlu dibangkitkan apa yang melibatkan cuma satu kumpulan yang kecil sahaja. Tetapi, saya berpendapat sikap positif bermakna kesanggupan mendengar pendedahan seperti ini, kerana dari kesalahan orang lain kita akan lebih sedar dan berhati-hati tentang diri kita. Oleh itu, saya berharap semua pegawai akan menerima teguran ini sebagai usaha ikhlas ke arah kebaikan, dan bukan usaha memburukkan sesiapa. Yang perlu dibuat ialah menyoal diri sama ada unsur-unsur negatif ini ada pada diri sendiri dalam apa-apa bentuk, dan menyingkirkannya jika ada. Ringkasnya, sikap positif mestilah ditunjukkan berkenaan dengan teguran ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

18. Untuk keamanan masyarakat, kita perlukan Kerajaan, atau lebih tepat lagi pemerintahan. Tugas pemerintah ialah menjaga supaya anggota masyarakat mendapat perlindungan daripada yang bengis dan nakal di kalangan mereka. Undang-undang dan peraturan-peraturan adalah digubal, dan dikuatkuasakan oleh pemerintah, demi matlamat ini.

19. Di zaman ini, tanggungjawab Kerajaan sudah menjadi begitu besar sehingga tidak mungkin rakyat, ataupun pegawai, mengetahui semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Oleh itu, banyak dari urusan Kerajaan bergantung kepada budibicara pegawai-pegawai berkenaan. Dengan perkataan lain, pegawai-pegawai diberi kuasa mentafsir dan melaksanakan undang-undang dan peraturan-peraturan pemerintahan.

20. Tidak hairanlah jika dalam keadaan ini kita kerap lupa akan tugas Kerajaan. Kita kerap memikirkan bahawa Kerajaan wujud semata-mata untuk mencegah dan menyekat, dan bukan menentukan supaya rakyat dapat hidup tanpa gangguan dan sekatan dari mana-mana pihak dalam masyarakat.

21. Tujuan saya memperingati peranan Kerajaan dalam membendung gerak-geri yang halal oleh rakyat. Oleh itu, Kerajaan perlu berusaha untuk menentukan rakyat di semua peringkat mendapat pertolongan yang sewajarnya dari Kerajaan sepanjang masa.

22. Dalam konteks rakyat, Kerajaan bukan selalunya bermakna wakil yang dilantik oleh mereka, tetapi lebih kerap ialah pegawai dengan siapa mereka mengadakan perhubungan setiap masa. Di sinilah peranan Kerajaan sebagai pemelihara kebahagiaan rakyat menjadi penting. Kerajaan sudahpun mengadakan dasar menolong rakyat desa dan rakyat lain yang memerlukan bantuan Kerajaan. Kali ini saya ingin canangkan pula sikap dan peranan Kerajaan terhadap swasta.

23. Kerajaan ini tidak berpendapat yang pihak swasta itu adalah musuh Kerajaan yang mesti ditekan secukupnya. Sebaliknya, Kerajaan ini berpendapat bahawa pihak swasta dengan secara hampir langsung, adalah rakan perkongsian yang memiliki 40 hingga 50 peratus dari saham percuma syarikat-syarikat swasta. Setiap kali mereka untung, Kerajaan mengambil 40 hingga 50 peratus dari keuntungannya itu sebagai cukai. Duit inilah yang kita guna untuk membayar gaji pegawai dan lain-lain urusan pentadbiran.

24. Walaupun jikalau syarikat-syarikat swasta rugi Kerajaan tidak secara langsung rugi, tetapi dari segi kira-kira Kerajaan rugi, kerana tidak dapat memperolehi pendapatan dari cukai yang dikenakan atas keuntungan. Selain dari itu, setiap kali syarikat swasta rugi, negara terpaksa memikul beban masalah yang timbul darinya. Peluang kerja akan kehilangan, modal akan merosot, mungkin wang pinjaman tidak dapat dibayar, barang-barang akan reput atau susut nilai, dan lain-lain lagi, yang cuma dapat dikesan apabila yang menganggur, dan yang turut rugi kerana kegagalan sebuah syarikat atau perusahaan, membuat pengaduan berkenaan dengannya.

25. Untuk mengelak dari kemalangan yang disebabkan oleh kegagalan dalam perniagaan, Kerajaan, iaitu pegawai-pegawai, perlu memberi khidmat dan kerjasama yang bersih, cekap dan beramanah kepada pihak swasta. Janganlah kita soal atau berasa irihati kerana khidmat kita menjadikan mereka kaya dan kita tidak dapat apa-apa. Di dalam negara Malaysia, sistem kita memberi tempat kepada yang kaya supaya Kerajaan dan masyarakat dapat berkongsi kekayaan dan kecerdasan mereka untuk kepentingan am, dan kepentingan pegawai yang berkhidmat.

26. Walaupun pegawai perlu memberi khidmat kepada swasta, ini tidak bermakna bahawa kita perlu menolong mereka yang sebenarnya tidak berminat dan tidak mempunyai kebolehan. Mereka yang semata-mata berharap kepada Kerajaan untuk mendapat keuntungan, tidak membawa keuntungan kepada sesiapa. Apa yang berlaku ialah duit Kerajaan dipindah ke kocek mereka. Mereka ini patut diberitahu awal-awal lagi bahawa mereka perlu mengubah sikap dan cuba berdiri di atas kaki sendiri. Dasar Ekonomi Baru tidak bermakna mengambil duit Kerajaan untuk dimasukkan ke poket sesiapa, walaupun bumiputra. Dasar Ekonomi Baru bermakna khidmat istimewa dari Kerajaan untuk mengurangkan kemungkinan kerugian berlaku.

27. Tentulah jelas dari ini bahawa pegawai mesti cekap menilai keadaan, dan memiliki sikap yang jujur dan positif. Khususnya, tanggungjawab pegawai ialah memberi khidmat yang positif, yang bertujuan bukan sahaja menjayakan, tetapi menjayakan dengan secepat mungkin apa juga rancangan swasta. Asalkan Dasar Ekonomi Baru dipatuhi, segala rancangan swasta mestilah dibantu oleh pegawai tanpa apa-apa irihati, atau keangkuhan kuasa. Sekali lagi saya ingin mengingatkan bahawa Kerajaan, bahkan negara, memiliki saham percuma dalam semua perniagaan dan perusahaan, besar atau kecil, iaitu jikalau mereka untung. Kegagalan semua perniagaan dan perusahaan adalah kegagalan Kerajaan dan masyarakat, dan kejayaan mereka juga adalah kejayaan dan keuntungan Kerajaan dan negara.

28. Akhir sekali, saya ingin sebutkan tentang peningkatan pengetahuan di kalangan pegawai-pegawai. Kerapkali terjadi apabila sahaja kita tamat belajar di universiti, kita tidak lagi teruskan amalan membaca. Jika pelajaran hendak ditambahkan, kita bergantung kepada seminar, simposium dan lawatan-lawatan, terutama ke luar negeri. Sementara saya tidak menafikan peranan seminar dan lawatan, saya berpendapat tabiat membaca buku amatlah berkesan dalam mempertingkatkan pengetahuan.

29. Kita perlu membaca bukan sahaja tajuk-tajuk yang ada kaitan dengan kerja, tetapi juga lain-lain tajuk. Ini termasuklah bacaan berkenaan dengan agama rasmi kita, berkenaan dengan sejarahnya dan tamadunya. Dengan pembacaan yang luas ini, maka kita akan menjadi anggota masyarakat dan pegawai pentadbir yang lebih berkesan. membaca dan mencari ilmu dan pengetahuan tambahan. Tetapi, saya tahu ramai dari pegawai-pegawai tidak begitu tertarik dengan amalan ini. Bahkan ada yang tidak membaca apa-apa yang telah ditunjuk sebagai "required reading." Ini saya tahu kerana tiada siapa yang membuat "quote" dari

buku-buku tertentu dan tidak ada perbincangan tentang hujah-hujah dalam buku-buku ini dan bagaimana mengamalkannya dalam pentadbiran.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

31. Saya bercakap panjang lebar dalam majlis makan malam ini, walaupun ini bukanlah kuliah, dan mungkin apa yang saya perkatakan tadi merupakan teguran dalam "public." Mungkin ada yang tersinggung. Tetapi, ini adalah satu forum yang dihadiri oleh sebilangan besar dari pegawai PTD dan ini merupakan peluang bagi saya berhubung dengan seramai-ramainya pegawai PTD secara langsung. Melalui akhbar pula, mungkin lebih ramai lagi akan mengetahui tentang kandungan ucapan ini. Mereka yang bersikap positif akan menumpukan kepada kandungan ucapan ini, dan bukan soal kena atau tidak tempat dan masanya. Saya percaya semua dari saudara-saudari ingin menjadi pegawai yang bersikap positif dan oleh itu ucapan ini akan mempunyai kesan.

32. Malam ini adalah malam untuk bersuka-suka. Oleh itu, perkara-perkara yang lebih terperinci mengenai apa yang saya sentuh secara ringkas, saya serahkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk difikir dan dijadikan program yang dipraktikkan oleh setiap anggota perkhidmatan awam. PTD memegang jawatan di berbagai jabatan; tentulah mudah bagi tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk membawa "mission" ini, dan menjayakan amanah ini.

33. Akhirnya, saya ucapkan selamat menyambut hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. dan tahun baru 1983 dan selamat maju jaya.

WASSALAMU 'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.